

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-14**  
**(DEWAN RAKYAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI**  
**ABD. MUTTALIB [ MARAN ]**  
**TARIKH : 4 NOV 2019 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah usaha dalam menangani penurunan stok minyak sawit Malaysia yang merosot 10.3 peratus dalam tempoh 10 bulan kepada 2.45 juta tan metrik. Bagaimanakah Kementerian bertindak dalam memastikan penurunan stok minyak sawit ini tidak memberi kesan kepada bekalan domestik dan eksport.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Stok minyak sawit Malaysia sedang mengalami trend penurunan pada tahun ini iaitu daripada 3 juta tan pada Januari 2019 kepada 2.25 juta tan pada Ogos 2019. Manakala paras stok minyak sawit semasa adalah sebanyak 2.45 juta tan pada 10 Oktober 2019 iaitu pada paras yang optimum.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengurangan stok adalah fenomena yang positif kerana ia membuktikan usaha Kerajaan untuk meningkatkan eksport minyak sawit negara telah berjaya dilaksanakan. Berdasarkan rekod, eksport minyak sawit negara telah meningkat sebanyak 19.7% kepada 12.6 juta tan daripada Januari hingga Ogos 2019 berbanding 10.53 juta tan untuk tempoh yang sama pada tahun 2018. Ini akan menyumbang kepada kenaikan paras harga minyak sawit yang lebih baik.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menggantung duti eksport minyak sawit mentah (CPO) sehingga Disember tahun ini demi mengatasi situasi stok minyak sawit yang tinggi.

Kerajaan sememangnya berusaha untuk menurunkan paras stok minyak sawit negara ke satu paras yang optimum, kerana penawaran minyak sawit pada awal tahun ini telah berada pada paras yang melebihi permintaannya iaitu 3 juta tan. Kementerian saya telah cuba sedaya upaya untuk mengurangkan stok minyak sawit bagi menstabilkan harga minyak sawit dan demi meningkatkan pendapatan kepada keseluruhan rangkaian industri sawit termasuk pekebun kecil.

Namun begitu, Kementerian saya sentiasa memantau situasi stok minyak sawit negara agar ianya berada di paras yang optimum bagi menampung permintaan semasa pasaran tempatan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan bekalan minyak sawit sentiasa mencukupi di pasaran samada untuk pasaran tempatan mahupun eksport adalah seperti berikut :

- i. mengadakan siri perbincangan dengan pihak *refinery* supaya mereka tidak mengimport terlalu banyak minyak sawit dari negara luar tetapi sebaliknya menggunakan stok minyak sawit tempatan; dan
- ii. menurunkan kadar duti eksport ke atas minyak sawit mentah bermula 1 Januari 2020 daripada 4.5% kepada 3% demi membantu industri sawit untuk mengeksport minyak sawit pada harga yang lebih kompetitif.

Secara amnya, bekalan minyak sawit bagi tahun 2019 dijangka akan sentiasa mencukupi kerana paras bekalan stok minyak sawit di pasaran melebihi paras 2 juta tan atau melebihi paras minimum 5.0% daripada jumlah pengeluaran minyak sawit mentah.

Sekian, terima kasih.